



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 2. Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpcb.gov.my](http://www.kwpcb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### TERMINAL SEJAHTERA BAKAL MEMBERI MANFAAT KEPADA PENINGKATAN TARAF HIDUP WARGA MISKIN BANDAR DI MIRI, SARAWAK

**MIRI, 25 Mei 2012** – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) diteruskan ke Miri, Sarawak pula selepas program yang sama di Port Dickson pada minggu lalu. Pada tahun lalu bantuan juga telah diberikan kepada penduduk di Miri, dan ini merupakan kali kedua bantuan diberikan kepada penduduk Miri oleh KWPKB. YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin bersama YB. Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air turut bersama-sama menyampaikan bantuan Kesejahteraan Bandar pada kali ini.

2. PPKB telah dilaksanakan oleh KWPKB bermula pada 1 Januari 2010 sehingga kini. Ini merupakan inisiatif kerajaan dalam membasmi kemiskinan di kawasan bandar dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat miskin di seluruh negara. PPKB memberi tumpuan kepada keluarga miskin di kawasan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diguna pakai kini dan status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih seperti di Lampiran.

3. Salah satu bentuk bantuan yang diberikan di bawah Program Bantuan Kesejahteraan Bandar oleh KWPKB adalah menyediakan pusat pembelajaran secara online untuk kegunaan anak-anak masyarakat miskin di bandar seluruh negara yang dikenali sebagai Terminal Sejahtera. Terminal Sejahtera ini bakal memberikan manfaat yang besar kepada penduduk Miri yang menyediakan **kemudahan pembelajaran sendiri** di luar waktu persekolahan kepada **pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah di kawasan Bandar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran** yang akan menyumbang kepada **peningkatan taraf hidup pelajar dan keluarga**.

4. Sebanyak 12 projek Terminal Sejahtera di luar Kuala Lumpur telah dibina mulai tahun 2011 oleh KWPKB termasuk satu di Bintulu, Sarawak dan satu lagi di

Penampang, Sabah bagi zon Sabah & Sarawak. Ke semua Terminal Sejahtera ini telah beroperasi sepenuhnya bermula pada bulan Mac 2012. Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2012, peruntukkan bagi Program Bantuan Kesejahteraan Bandar turut dikhaskan kepada pembinaan Terminal Sejahtera di Miri, Sarawak. Ini merupakan satu peluang keemasan kepada Majlis Bandaraya Miri untuk bekerjasama dengan pihak KWPKB bagi melahirkan masyarakat yang berilmu yang menyumbang kepada peningkatan taraf hidup warga miskin bandar di Miri, Sarawak.

5. Sempena program ini juga, YB. Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyampaikan:

- i. **Bantuan baik pulih rumah kepada 5 orang ketua isi rumah yang bernilai RM10,000.00 setiap rumah;**
- ii. **Bantuan Peralatan Perniagaan kepada 2 orang ketua isi rumah yang bernilai RM1,000.00 seorang;**
- iii. **Bantuan peralatan kesihatan kepada 5 penerima yang bernilai RM700.00; dan**
- iv. **Bantuan bakul makanan bernilai RM50.00 dan sumbangan tunai bernilai RM150.00 seorang kepada 6 buah keluarga yang terpilih.**

6. Dalam majlis yang sama juga, YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin turut meninjau sendiri kehidupan golongan miskin di kawasan bandar ini dengan menziarahi rumah mereka. Sebanyak 6 buah rumah yang terpilih dalam sesi lawatan ini di samping menyampaikan bantuan makanan harian dan sumbangan wang tunai kepada keluarga yang terlibat. Diharap bantuan yang diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar ini akan dapat membantu keluarga miskin tersebut untuk meringankan beban dalam menjalani kehidupan seharian.

7. Secara keseluruhannya, program-program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar telah dilaksanakan di beberapa buah negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak seperti di lampiran. Ini adalah untuk memastikan setiap warga miskin bandar berpeluang menjalani kehidupan yang lebih kondusif serta menjamin kesejahteraan hidup mereka yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat di bandar.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

25 Mei 2012  
Miri, Sarawak

**PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BANDAR**

KAWASAN	MISKIN TEGAR	MISKIN	MUDAH MISKIN	BERPENDAPATAN RENDAH (B40%)
	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)
Semenanjung Malaysia	450	770	<1,440	Pendapatan antara 1,441.00 hingga 2,300.00
Sabah/Labuan	590	1,020	-sama-	-sama-
Sarawak	600	940	-sama-	-sama-

Status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah eKasih pada 14 Mei 2012 menunjukkan bilangan isi rumah miskin tegar ialah **13,125** di mana **Negeri Sarawak, Sabah dan Kelantan** mencatatkan bilangan golongan miskin tegar yang ramai. Bilangan lengkap Ketua Isi Rumah (KIR) kemiskinan bandar adalah seperti senarai berikut :

Negeri	Miskin tegar	Miskin	Mudah Miskin	Terkeluar	Jumlah
Johor	296	1831	2608	2710	<b>7445</b>
Kedah	276	965	1509	755	<b>3505</b>
Kelantan	1333	6599	4294	3179	<b>15405</b>
Melaka	233	1592	1432	2870	<b>6127</b>
Negeri Sembilan	429	1408	2159	1829	<b>5825</b>
Pahang	186	1078	3143	460	<b>4867</b>
Perak	489	2129	3406	1467	<b>7491</b>
Perlis	234	1383	887	2359	<b>4863</b>
Pulau Pinang	334	2419	5252	2758	<b>10763</b>
Sabah	2760	4438	2469	846	<b>10513</b>
Sarawak	4682	7586	3170	9401	<b>24839</b>
Selangor	809	2975	7144	838	<b>11766</b>
Terengganu	682	5459	9428	6325	<b>21894</b>
WP Kuala Lumpur	275	1476	3338	3890	<b>8979</b>
WP Labuan	106	510	567	365	<b>1548</b>
WP Putrajaya	1	7	19	169	<b>196</b>
<b>Jumlah</b>	<b>13125</b>	<b>41855</b>	<b>50825</b>	<b>40221</b>	<b>146026</b>

## RINGKASAN BANTUAN PROGRAM ZIARAH KESEJAHTERAAN BANDAR DI MIRI

<b>BIL</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>BIL. PENERIMA</b>	<b>RM (SEORANG)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>1</b>	<b>Bantuan baik pulih rumah</b>	<b>5</b>	<b>RM 10,000.00</b>	<b>RM50,000</b>
<b>2</b>	<b>Bantuan peralatan kesihatan</b>	<b>5</b>	<b>RM 700.00</b>	<b>RM3,500</b>
<b>3</b>	<b>Bantuan bakul makanan (RM50.00) dan sumbangan wang tunai (RM150.00)</b>	<b>6</b>	<b>RM 200.00</b>	<b>RM1,200</b>
<b>4</b>	<b>Bantuan Peralatan Perniagaan</b>	<b>2</b>	<b>RM 1,000.00</b>	<b>RM2,000</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>RM56,700</b>

## **BENTUK-BENTUK BANTUAN YANG DIBERIKAN DALAM PROGRAM BANTUAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

1. Terminal Sejahtera
2. Perumahan Bandar
  - Bantuan Bina Rumah Baru
  - Bantuan Baik Pulih Rumah
  - Bantuan Sewa Rumah
3. Program Latihan Kemahiran Dan Keusahawanan
  - Program Pembangunan Minda Insane/Motivasi
  - Latihan Kemahiran
  - Bekalan Peralatan Perniagaan
4. Program Ziarah Kesejahteraan Bandar
  - Penyerahan Bantuan
  - Ziarah Ke Rumah Warga Emas Dan Juga Keluarga Yang Mempunyai Ahli Yang Ramai